



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	13/12/2019	MUKA SURAT : 30
JABATAN	:	BTUP	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Forum tak selesaikan isu, kata Saarani

IPOH - Penganjuran forum membincangkan isu pemberian hak milik tanah kekal kampung baru tidak akan menyelesaikan isu tersebut kerana ia berkait dengan Perlembagaan Persekutuan.

Pengerusi UMNO Perak, Datuk Saarani Mohamad berkata, Naib Pengerusi DAP Perak, Dr Abdul Aziz Bari seharusnya mencabar keputusan yang ditetapkan Majlis Tanah Negara (MTN) mengenai pemberian hak milik kekal sebelum dilaksanakan di kampung-kampung baru.

Menurutnya, Exco kerajaan negeri itu juga perlu meminta kerajaan Pusat meminda Perlembagaan Persekutuan yang menubuhkan Majlis Tanah Negara (MTN) jika mahu merealisasikan hasrat memberikan hak milik kekal tanah itu.

“Sebarang forum tidak akan menyelesaikan isu berkenaan kerana ia berkait dengan Perlembagaan Persekutuan.

“MTN ditubuhkan mengikut Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan, apa-apa keputusan yang dibuat adalah berdasarkan perlembagaan dan tidak boleh dipinda. Jika ia mahu diubah, Abdul Aziz perlulah mencabar di mahkamah ataupun membawa isu ini ke Dewan Rakyat,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai meng-

Abdul Aziz ajar Saarani berforum

Bincang polemik pemberian hak milik kekal tanah

Walaupun ia berkaitan dengan perlembagaan Persekutuan, ia boleh mencabar di mahkamah atau Dewan Rakyat.

Naib Pengerusi DAP Perak, Dr Abdul Aziz Bari, berkata ia sepatutnya mencabar keputusan yang ditetapkan Majlis Tanah Negara (MTN) mengenai pemberian hak milik kekal tanah itu.



Abdul Aziz dan Saarani berforum mengenai isu pemberian hak milik kekal tanah.

ulas kenyataan oleh pihak berkaitan yang mengemukakan permintaan di dalam dan luar negeri.

Laporan Sinar Harian semalam.



SAARANI

ulas kenyataan Abdul Aziz yang mahu pertemuan atau forum diadakan bagi menjelaskan kekeliruan mengenai pelaksanaan hak milik kekal tanah kampung baru yang dikatakan bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Saarani berkata, dalam Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa kepada kerajaan Persekutuan menubuhkan MTN untuk menguruskan hal ehwal tanah.

Katanya, di bawah Perkara 91(5) Perlembagaan Persekutuan juga jelas menyatakan kerajaan Persekutuan dan negeri hendaklah mengikut dasar yang dibentuk oleh majlis itu.

“Abdul Aziz juga mesti melihat sejarah dan memahami isu pemberian hak milik 999 tahun pada tahun 2008 ketika kerajaan 11 bulan Pakatan Rakyat,” katanya.